



UPM Tingkat Kesedaran Cegah Kanser Melalui Laman Web



Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Prof. Dr. Azhar Md Zain (tengah) merasmikan laman web promosi pencegahan kanser.

SERDANG, 22 Jan – Universiti Putra Malaysia (UPM) melancarkan laman web berinformasi kesihatan untuk menyedarkan orang ramai tentang bahaya kanser yang boleh dicegah dari awal melalui cara hidup dan pemakanan yang sihat.

Laman web yang dilancarkan oleh Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Prof. Dr. Azhar Md Zain, mempunyai lima aplikasi utama yang memainkan peranan penting untuk dijadikan garis panduan pembaca bagi membanteraς kanser dan penyakit kronik lain seperti penyakit jantung, diabetes melitus serta darah tinggi.

Beliau berkata laman web itu mempunyai keunikan tersendiri kerana pelawat dapat berinteraksi dengan senarai panel pilihan yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing untuk merungkai persoalan pembaca terutamanya mengenai penyelidikan yang telah dijalankan.

“Memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat Malaysia mendorong UPM menggunakan laman web sebagai medium terbaik untuk menyalurkan mesej dengan mudah, praktikal dan cepat.

“Diharapkan segala maklumat yang dipaparkan dapat membantu mengurangkan peratusan pesakit kanser di Malaysia yang kebanyakannya menghidap kanser payudara, kolorektal, paru-paru, serviks dan nasofarinks,” kata Prof. Azhar dalam ucapan perasmianya. Sementara itu, Ketua Penyelidik Promosi Kesihatan di Tempat Kerja untuk Pencegahan Kanser, Prof. Dr. Mirnalini Kandiah berkata sejumlah 21,773 kes kanser telah didaftarkan dalam National Cancer Registry dengan mencatat 9,974 kes lelaki dan 11,799 adalah kes wanita.

“Kajian menunjukkan faktor cara hidup rakyat Malaysia menyumbang kepada kanser berpunca daripada masalah berat badan berlebihan, obesiti, kurang aktiviti fizikal, merokok, meminum minuman keras dan kurang pengambilan buah-buahan dan sayuran dalam diet sehari-hari.

“Sebelum laman web ini dirasmikan, pihak kami telah menjalankan satu penyelidikan terhadap 360 staf UPM. Keputusannya mengagumkan apabila kebanyakan peserta mula mengubah cara pemakanan dan gaya hidup mereka,” katanya.

Portal NutriHealth di alamat <http://www.nutrihealth-upm.com> yang direka khas oleh pihak UPM itu diterbitkan dalam versi Bahasa Melayu dan akan diterbitkan dalam Bahasa Inggeris tidak lama lagi untuk bacaan antarabangsa.



Sidang media yang dijalankan selepas majlis pelancaran laman web NutriHealth.

News by Section of Media, Corporate Communication Division UPM. (Intern: Siti Madihah Shaharizan 03-89466013)

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia